

0919

B B568 AAB  
MAHATHIR-EKONOMI

KUALA LUMPUR, 18 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN KERAJAAN MEMBEKUKAN KEMUDAHAN PINJAMAN PERUMAHAN DAN KENDERAAN BAGI KAKITANGANNYA SERTA MEMOTONG KERJA LEBIH MASA.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN APABILA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA SAMA ADA LANGKAH ITU AKAN DIAMBIL DI BAWAH PEMOTONGAN PERUNTUKAN KERANA KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA SEKARANG.

+SAYA TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN INI. TETAPI SAYA PERCAYA PENGUMUMAN MENGENAINYA AKAN DIBUAT OLEH KERAJAAN APABILA BELANJAWAN NEGARA BAGI TAHUN DEPAN DIBENTANGKAN DI DEWAN RAKYAT,+ KATA BELIAU.

BELANJAWAN NEGARA 1987 DIJADUAL DIBENTANGKAN JUMAAT INI DI DEWAN RAKYAT YANG BERSIDANG SEKARANG.

BELIAU SEBELUM ITU MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI BANGUNAN UMNO DI SINI YANG ANTARA LAIN MEMBINCANGKAN LANGKAH KERAJAAN UNTUK MENGATASI KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA. -- LAGI.

1505MST 18 10 86

0927

B B573 AAB  
MAHATHIR-EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

SEHUBUNGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MELAWAT SEMUA NEGERI MULAI HUJUNG BULAN INI UNTUK MENERANGKAN KEADAAN EKONOMI NEGARA KEPADA PARA PEMIMPIN UMNO, BARISAN NASIONAL DAN PEGAWAI KERAJAAN.

KATANYA BELIAU MAHU MENJELASKAN PERKARA ITU KEPADA MEREKA KERANA ADA PIHAK YANG MEMANDANG RINGAN MASALAH EKONOMI NEGARA SEKARANG.

TINDAKAN SERENTAK DAN MENYELURUH DARIPADA SEMUA KERAJAAN NEGERI UNTUK MENGATASI KEADAAN EKONOMI NEGARA SANGAT PENTING BAGI MENJAMIN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN PUSAT BERJAYA, TEGASNYA.

DITANYA JUMLAH WANG YANG DAPAT DIJIMATKAN DENGAN LANGKAH PEMOTONGAN PERUNTUKAN, BELIAU BERKATA: +KITA TELAH DAPAT MENGURANGKAN DENGAN BANYAKNYA PERBELANJAAN SEHINGGA KERAJAAN TIDAK TERPAKSA MEMINJAM TERLALU BANYAK.

+APA YANG PENTING IALAH KITA TIDAK TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA PINJAMAN UNTUK BELANJA PENGURUSAN HARIAN,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.  
1523MST 18 10 86

0950

B B593 DEB  
MAHATHIR-EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGERI PERTAMA YANG DILAWATINYA IALAH KEDAH PADA 30 OKT INI DAN KEMUDIAN TERENGGANU. BAGI NEGERI-NEGERI LAIN TARIKHNYA BELUM DITETAPKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM LAWATAN ITU NANTI, BELIAU AKAN MEMBERI PENAKANAN KEPADA PENTINGNYA SEMUA PIHAK SANGGUP BERKORBAN UNTUK MENGATASI KEADAAN EKONOMI NEGARA SEKARANG.

BELIAU BERKATA SELAIN EKONOMI, BELIAU JUGA AKAN MENERANGKAN KEPADA PARA PEMIMPIN UMNO DAN BN SERTA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DI PERINGKAT NEGERI MENGENAI DASAR-DASAR KERAJAAN TERMASUK DASAR EKONOMI BARU (DEB).

KATANYA, MELALUI LAWATAN ITU BELIAU MAHU MEREKA BERPELUANG MENDENGAR PENJELASAN DARIPADANYA SENDIRI MENGENAI DASAR-DASAR ITU KERANA MASIH ADA MEREKA YANG TIDAK FAHAM DASAR-DASAR KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO JUGA AKAN MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPIN UMNO DI PERINGKAT NEGERI DAN BAHAGIAN UNTUK MEMBINCANGKAN URUSAN PARTI. -- LAGI.

1603MST 18 10 86

D951

B B594 DEB  
MAHATHIR-EKONOMI 4 KUALA LUMPUR

MESYUARAT MT UMNO KALI INI JUGA MEMBINCANGKAN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG LEPAS DAN JUGA PERJALANAN PERHIMPUNAN ITU, KATA BELIAU.

KATANYA, BELIAU JUGA TELAH MENERANGKAN KEPADA MT RANCANGAN MENGADAKAN SEBUAH KEM LATIHAN UNTUK PARA BELIA, SEPERTI YANG TERKANDUNG DALAM UCAPAN DASARNYA DI PERHIMPUNAN ITU. KEM LATIHAN ITU IALAH UNTUK MEMBERI LATIHAN KEMAHIRAN KEPADA BELIA.

MENGENAI LAPORAN DARIPADA UMNO NEGERI-NEGERI BELIAU BERKATA TIDAK BANYAK PERKARA YANG DIBINCANGKAN.

MENYENTUH KEDUDUKAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN GOPENG, ENCIK TAN KOON SWAN YANG BELUM MENGANGKAT SUMPAAH JAWATAN, PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI BN BERKATA URUSAN UNTUK BEKAS PRESIDEN MCA ITU MENGANGKAT SUMPAAH BELUM DIBUAT.

BELIAU BERKATA ENCIK TAN, YANG KINI MENJALANI HUKUMAN PENJARA DI SINGAPURA KERANA SABIT KESALAHAN PECAH AMANAH, MASIH MEMPUNYAI MASA YANG BANYAK UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

ENCIK TAN MEMPUNYAI TEMPOH ENAM BULAN DARIPADA TARIKH MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PARLIMEN KETUJUH INI UNTUK MENGANGKAT SUMPAAH DAN JIKA BELIAU TIDAK BERBUAT DEMIKIAN DALAM TEMPOH ITU KEANGGOTAANNYA DIGUGURKAN. -- BERNAMA.

1605MST 18 10 86